

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YEING**  
**[LANANG]**

**SOALAN NO. 219**

**Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YEING [ LANANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk menumpaskan kegiatan penyeludupan di kawasan laluan Tebedu-Entikong *bonder* memandangkan kegiatan ini adalah untuk melarikan diri mereka daripada membayar cukai serta usaha Kerajaan untuk menumpaskan kegiatan penyeludupan dadah ke negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menjalankan kawalan dan melaksanakan aktiviti membanteras kegiatan penyeludupan di sempadan.

JKDM misalnya telah menempatkan seramai 29 pegawai di CIQS Tebedu untuk membuat pemeriksaan dan kawalan ke atas dagangan import/eksport di samping membuat rondaan di sekitar CIQS. CIQS Tebedu juga turut dilengkapi dengan mesin pengimbas bagasi di samping menempatkan seekor Anjing Pengesan Dadah khusus bagi membantu mencegah aktiviti penyeludupan dadah. Kerjasama erat dengan agensi dalam dan luar negara juga sentiasa dipertingkatkan bagi berkongsi dan bertukar maklumat risikan dalam usaha mengekang aktiviti penyeludupan. Ini termasuklah mengadakan operasi bersepadu dengan pihak Bea Cukai Indonesia di sempadan darat di sekitar Tebedu serta melaksanakan rondaan di kawasan *hotspot* di negara masing-masing.